



**SAIRAH HAJI ANTIN** (Hajah Allahyarham) dilahirkan pada 25 Ogos 1952, di Kota Kinabalu, Sabah. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Teater) di Institut Kesenian Jakarta, Indonesia (IKJ) pada tahun 1982. Hajah Sairah pernah bertugas sebagai Pegawai Kebudayaan dengan mengetuai Bahagian kebudayaan, Yayasan Sabah (1983 – 1989). Mula memasuki arena penulisan pada tahun 1970 dalam genre cerpen, puisi, skrip drama dewasa dan skrip drama kanak-kanak. Karya beliau banyak tersiar dalam *Dewan Sastera*, *Dewan Masyarakat*, *Al-Islam*, *Wanita*, *Mastika*, *Famili*, *Perempuan*, *Wadah*, *Buletin PKPMI-Jakarta*, *Majalah Sastera Horizon* (Indonesia) dan akhbar-akhbar tempatan negeri Sabah. Karya beliau juga turut termuat dalam antologi bersama

Mutiara Diri, Kafilah, Mujjadid, Nyanyi dari Desa, *Salam dari Teluk*, *Laut Asyik*, *Gema Membelah Gema 13*, *Cahaya*, *Titian Kasih*, *Tasbihah Hayat* dan *Teluk Perkasihan*. Manakala cerpen beliau termuat dalam antologi bersama *Tugu di Tengah Kota*, *Merening*, *Hikmah*, *Menanti Subuh*, *Musarakan* dan *Calar Mimpi*. *Kemarau Semusim* merupakan buku yang menghimpunkan beberapa skrip drama radio tulisan beliau.

Dua buah buku cerita bergambar berjudul *Bola Mainan Hilang* dan *Main Puteri* telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Yayasan Sabah. Selain menulis, beliau juga aktif dalam persatuan, beliau pernah menjadi Yang Dipertua Badan Bahasa Sabah (BAHASA) dan Ahli Jawatankuasa Kerja Gabungan Persatuan Penulis Malaysia (GAPENA) 1996-2003. Sebagai mengenang jasanya dalam dunia penulisan, beliau telah dianugerahi Tokoh Penyair Islam Sabah 2003.